

Cuaca panas boleh 'bunuh' terumbu karang

SH 12/5/2024 m/s 28

Dijangka kehilangan 5 hingga 10 peratus terumbu karang

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA NERUS

Negara dijangka kehilangan lima hingga 10 peratus litupan terumbu karang di sepanjang perairan akibat cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

Pakar penyelidik batu karang Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Tan Chun Hong berkata, hidupan itu merupakan haiwan marin yang sensitif terhadap sebarang perubahan suhu air laut kerana ia antara punca terhadap kematian dan kecacatan spesies berkenaan.

Menurutnya, cuaca panas ekstrem akan mempengaruhi sistem imun di dalam badan haiwan itu, sekali gus mempengaruhi proses pertumbuhan.

"Pemanasan air laut akan merendahkan sistem imun batu karang dan menurunkan tahap daya tahan terhadap ancaman bakteria dan virus daripada per-

sekitaran," katanya ketika dihubungi di sini pada Jumaat.

Tambah beliau, apabila pemanasan suhu air laut melebihi dua darjah Celsius kebarangkalian batu karang untuk mati juga akan meningkat.

"Kajian menunjukkan peningkatan suhu air laut antara satu hingga dua darjah Celsius daripada paras normal dalam tempoh lebih dua minggu akan memberi tekanan terhadap kesihatan batu karang," ujarinya.

Jelasnya, situasi itu membimbangkan kerana batu karang merupakan asas dalam pembentukan ekosistem terumbu karang.

Sehubungan itu katanya, UMT akan terus memperkasakan program pemuliharaan batu karang meliputi projek mengenal pasti benih karang yang mempunyai daya tahan tinggi untuk




FOTO: UMT

Litupan terumbu karang di sepanjang perairan berisiko terancam akibat cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

digunakan dalam pemulihan semula terumbu karang berskala besar.

Katanya, ia bagi memastikan

kelestarian hidupan itu pada masa akan datang.

Menurutnya, hasil kajian yang dilakukan di Pulau Bidong

mendapati risiko kematian dan kecacatan benih batu karang turut meningkat apabila suhu air laut menjadi lebih panas daripada normal.

"Kajian penyelidik mendapati benih batu karang spesies Acropora yang berada di dalam air yang suhunya dua darjah Celsius lebih panas daripada keadaan normal, menunjukkan 8.5 peratus lebih banyak kematian.

"Secara purata, 10 peratus benih mengalami kecacatan 10 hari selepas penetasan.

"Ini bermaksud, dalam keadaan pemanasan suhu laut yang luar daripada normal, batu karang dewasa dan benih batu karang turut alami kematian yang tinggi dan memberi impak besar kepada usaha pemuliharaan batu karang seperti program restorasi karang yang UMT lakukan di Pulau Bidong," katanya.